

# 100 keluarga terima RM120,000

**BAYAN BARU** – Seramai 25 buah keluarga berpendapatan rendah mendapat bantuan barangan keperluan melalui Yayasan MyKasih dan Kumpulan AmBank dalam majlis yang berlangsung di Giant Bayan Baru semalam.

Program yang pertama kali dilancarkan di daerah utara itu bertujuan untuk membantu keluarga yang berpendapatan RM1,000 ke bawah agar mendapatkan bahan makanan yang diperuntukkan secara percuma menggunakan sistem pengagihan bantuan tanpa tunai di sini.

Pengerusi Kumpulan AmBank Malaysia, Tan Sri Azman Hashim berkata, sistem tersebut menggunakan teknologi terkini apabila elaun bulanan akan dikreditkan melalui penggunaan MyKad sahaja.

"Ini membolehkan mereka membeli barangan keperluan dan elaun sebanyak RM100 sebulan akan diberikan kepada 100 keluarga di Pulau Pinang selama setahun.

"Secara keseluruhan, terdapat 325 keluarga di seluruh Malaysia telah mendapat bantuan melalui

program ini sejak ianya dimulakan pada tahun 2008,"katanya.

Beliau berkata, penerima bantuan yang berpotensi turut akan diberikan bimbingan untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka dengan berniaga.

"Kami akan membantu mereka dengan memberi modal melalui mikro kewangan bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri,"katanya.

Pengarah Yayasan MyKasih, Datuk Seri Megat Najmuddin Megat Khas berkata kebanyakan penerima bantuan di kawasan Pulau Pinang tertumpu kepada penduduk flat Padang Tembak.

"Kami akan meneruskan usaha mencari golongan yang benar-benar memerlukan bantuan untuk membantu mengurangkan beban yang ditanggung.

Kerjasama antara Yayasan MyKasih, Multimedia Development Corporation (MDEC), Giant dan Jabatan Pendaftaran Negara memudahkan penerima mendapatkan bantuan.

"Malah, badan bukan kerajaan (NGO) turut akan membantu menganjurkan kelas tuisyen khu-



● Ngau Boon Keat(kiri), Megat Najmuddin dan Azman bergambar bersama kanak-kanak selepas majlis penyerahan replika check di Giant Bayan Baru semalam.

sus buat anak-anak penerima bantuan,"katanya.

Dalam pada itu, salah seorang penerima, Nur Hasanah Maimun berkata, beliau amat bersyukur dengan bantuan yang diberikan.

"Sebelum ini saya tidak pernah menerima sebarang bantuan dari mana-mana pihak dan saya berasa gembira kerana ia dapat meringankan beban saya dan dua anak saya,"katanya yang menetap

di Padang Tembak.

Hadir sama di dalam majlis tersebut ialah Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat dan Pengarah Pemasaran GCH Retail, Ho Mun Hao.